

# 322 lepasan SPM ikuti program pradiploma UTHM

JOHOR BAHRU 15 Jan. - Seramai 322 orang pelajar sekolah menengah di negeri ini terpilih untuk mengikuti program Persediaan Diploma sesi 2013 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini.

Program kali ketiga yang diadakan di Batu Pahat itu bertujuan memberi peluang kepada para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma di UTHM.

Pegawai Perhubungan Awam universiti berkenaan, Shafry Salim berkata, daripada jumlah tersebut sembilan daripadanya merupakan pelajar tajaan UTHM yang terdiri daripada anak yatim terpilih di negeri ini.

“Seramai 187 daripada peserta adalah lelaki dan bakinya pelajar perempuan. Program Persediaan Diploma merupakan program persediaan untuk diterima masuk ke UTHM dalam Program Pengajian Diploma yang diuruskan oleh K-UTECH EDU Sdn. Bhd, anak syarikat UTHM Holdings syarikat milik



**SEBAHAGIAN** daripada pelajar mendaftarkan diri bagi mengikuti program Persediaan Diploma sesi 2013 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, baru-baru ini.

penuh UTHM.

“Para pelajar yang terpilih perlu menyempurnakan segala keperluan yang telah ditetapkan dalam program ini bagi membolehkan mereka melangkah masuk ke UTHM dan bergelar seorang mahasiswa,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Ujarnya, hanya mereka yang lulus dalam peperiksaan akhir dan mencapai piawaian Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang ditetapkan akan ditawarkan ke program pengajian diploma di UTHM.

Tambah Safry, mereka yang mengikuti program itu akan mengikuti kelas selama 325 jam serta proses

pengajaran dan pembelajaran para pelajar sama seperti penuntut di UTHM iaitu berbentuk kuliah, tutorial dan amali.

“Mereka diberi pendedahan secara *hands-on* di makmal-makmal kejuruteraan dan turut didedahkan dengan beberapa kursus seperti aplikasi komputer, keusahawanan ser-

ta komunikasi bahasa Inggeris.

“Program ini juga bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar luar bandar merasai suasana pembelajaran di dalam kampus, di samping mengukuhkan lagi tahap penguasaan mereka dalam bidang matematik, sains, bahasa Inggeris dan asas perisian komputer,” katanya.